

## Ulasan Buku

*Ulama Silam dalam Kenangan* oleh Ismail Mat (Penyunting). Bangi: Penerbit UKM. 1992. 178 halaman.

Buku ini mengandungi 13 makalah yang telah dibentangkan dalam siri Majlis Memperingati Tokoh-tokoh Ulama Silam semenjak 1975 anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Para ulama yang dibicarakan dalam buku ini telah banyak berjasa dalam menabur dan menyuburkan ilmu melalui sistem pondok.

Nampaknya penyunting cukup sukar memberi “pengenalan” kerana tajuk-tajuk yang dibentangkan demikian luas dan meliputi ulama Semenanjung, Sarawak dan Sabah, yang masing-masing mempunyai kekhasannya. Sebahagian pembaca bertanya sesiapa para penulis dalam buku ini dan apa yang telah mereka tulis serta pelbagai sumbangan mereka yang lain. Keadaan demikian ini menunjukkan mustahak sekali ditulis biografi singkat para penulis yang menulis dalam buku ini.

Ulasan buku ini terasa agak mengalami kesukaran kerana sebahagian tajuk yang dimuat merupakan karya perseorangan, sebahagian lagi merupakan karya perkongsian, dua atau tiga orang. Keadaan yang demikian boleh terjadi dengan tiada diberi keterangan apa sebabnya. Sistem urut-urutannya juga tidak jelas, apakah berdasarkan faham tradisi atau reformisnya, atau kurun masanya. Semua ini nampak dicampuradukkan. Tidak jelas pula mengapa sampai dengan nombor 11 semuanya adalah ulama dari Semenanjung, dan baharu nombor 12 ulama Sarawak dan yang terakhir adalah ulama Sabah dan Brunei. Apakah ini ada hubungkaitnya dengan majoriti dan minoriti jumlah pemeluk Islam di masing-masing daerah tadi?

Daripada apa yang dibentangkan, nampak bahawa selain mengkaji bahan-bahan tertulis, sebahagian para penulis menggunakan metode temuramah. Sayang tidak selalu dituliskan bila dan tempat temuramah dilakukan. Bahan-bahan tertulis yang dipergunakan nampaknya masih terhad, umpamanya tidak disebut karya Dato’ Sayid Alwi Tahir al Haddad, “ad Da’watut Taammah”, alih bahasa M. Ali Chasan Umar, *Kelengkapan Da’wah*, Semarang: Toha Putra, 1980. Beberapa buah buku ini boleh dibaca dari Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM.

Syekh Tahir Jalaluddin, seorang reformis Islam, sangat tepat sekali bila disajikan pada bab 2. Apabila tiga penulis beroleh kesempatan menyajikannya secara bersepadu, sehingga yang ditulis terasa berisi dan bernas sekali.

Tulisan mengenai Tok kenali, apakah tokoh ini sekadar Tok Guru dan Pemikir? Bila dia secara cukup awal sekali telah menyeru pentingnya

persuratkhbaran, apakah tidak sepantasnya Tok Kenali adalah diberi gelar Perintis Jurnalis Melayu? Atau perlu diberi erti dan makna dahulu apakah jurnalis itu? Apa pula erti dan makna perintisnya.

Huraian Haji Hussain Mohd. Nasir al Mas'udi al-Banjari cukup menarik kerana konfliknya dengan Haji Wan Sulaiman yang berjaya berunding di balik cap mohor Tengku Mahmud. Ulama yang sangat menjaga maruah ini dalam masa sehari saja segera berhijrah keluar dari Kedah. Tetapi saat menjelang wafat setelah sakit tenat (hlm. 49) beliau dirayu kembali ke Kedah. Akan lebih baik lagi bila pengenalan buku-buku Hj. Husain (hlm 49), seperti huraian karya para ulama yang lain, boleh diketengahkan secara kronologis, berdasarkan tahun penulisan atau tahun terbitannya. Ini akan memudahkan analisis proses penulisan mahupun kematangan faham ulama terbabit. Atau huraianya diurutkan berdasarkan kes-kes yang dibentangkan, atau setidak-tidaknya mengikuti abjad tajuk-tajuknya sehingga terasa adanya sistem tertentu yang diikuti dalam huraianya.

Tulisan tentang Sayid Muhammad Zayn al-Abidin, atau Tok Ku Tuan Besar cukup mencabar. Biografinya hanya memerlukan tiga muka surat sahaja, sedang ulasan bukunya sampai 9 muka surat. Selain pengenalan buku-buku Tok Ku Tuan Besar (hlm. 64), juga dihuraikan kitab *Sullam al-Tawfiq*, kitab *Kans al-Ula* dan *Syahadat Tok Ku Tuan Besar*. Huraianya cukup kritikal seperti terlihat pada halaman terbabit *Sullam al-Tawfiq* hanya saja terjadi semacam antiklimaks kerana diulang pada perenggan terakhir tulisan ini.

Bermakna dan bernilainya buku ini, antara lain boleh dilihat pada saat pelancarannya. Buku ini dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Sulaiman Daud di Dewan Suarah Kucing, Sarawak pada Khamis 21 Mei 1992. Wajar bila dinilai buku ini merupakan sebuah perintis dalam bidangnya. Buku ini mustahak sekali dibaca oleh orang yang ingin mengikuti jejak para ulama sebagai pewaris Nabi Muhammad s.a.w Sebagai karya perintis, buku-buku sejenis ini relatif sukar diperolehi, sehingga perlu dilanjutkan dengan penulisan-penulisan berikutnya pada masa hadapan. Siapakah diantara pembaca cukup bermaya untuk mengikuti jejak baik Prof. Madya Dr. Ismail Mat yang menyunting buku ini?

#### **Husain Haikal**

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor D.E.  
Malaysia